

D.R. 34/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Eksais (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Eksais 1976 [*Akta 176*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda—

(a) dalam subseksyen 2(1), dengan memasukkan selepas takrif “premis berlesen” takrif yang berikut:

‘ “Pulau 1” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967;’; dan

- (b) dalam subseksyen 2(1B), dalam takrif “kawasan utama kastam”, dengan menggantikan perkataan “dan Pangkor” dengan perkataan “, Pangkor dan Pulau 1”.

Pindaan seksyen 87

3. Seksyen 87 Akta ibu dipinda dalam takrif “kawasan utama kastam” dengan menggantikan perkataan “dan Pangkor” dengan perkataan “, Pangkor dan Pulau 1”.

Pindaan seksyen 90A

4. Subseksyen 90A(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Subseksyen 6(2), (3), (4) dan (5)” dengan perkataan “Subseksyen 6(2)”.

Pindaan seksyen 91A

5. Seksyen 91A Akta ibu dipinda dalam takrif “kawasan utama kastam” dengan menggantikan perkataan “dan Pangkor” dengan perkataan “, Pangkor dan Pulau 1”.

Pindaan seksyen 91DA

6. Subseksyen 91DA(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Subseksyen 6(2), (3), (4) dan (5)” dengan perkataan “Subseksyen 6(2)”.

Pindaan seksyen 91E

7. Seksyen 91E Akta ibu dipinda dalam takrif “kawasan utama kastam” dengan menggantikan perkataan “dan Pangkor” dengan perkataan “, Pangkor dan Pulau 1”.

Pindaan seksyen 91I

8. Subseksyen 91I(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Subseksyen 6(2), (3), (4) dan (5)” dengan perkataan “Subseksyen 6(2)”.

Pindaan seksyen 91Q

9. Seksyen 91Q Akta ibu dipinda dalam takrif “kawasan utama kastam” dengan menggantikan perkataan “dan Pangkor” dengan perkataan “, Pangkor dan Pulau 1”.

Pindaan seksyen 91U

10. Subseksyen 91U(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Subseksyen 6(2), (3), (4) dan (5)” dengan perkataan “Subseksyen 6(2)”.

Bahagian baharu XVE

11. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 91Z bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN XVE

PERUNTUKAN KHAS BERKENAAN DENGAN PULAU 1

Tafsiran

91AA. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “kawasan utama kastam” ertinya Malaysia tidak termasuk Labuan, Langkawi, Tioman, Pangkor dan Pulau 1.

Perniagaan runcit di Pulau 1

91AB. (1) Tiada seorang pun boleh menjual secara runcit apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 91AF(1)(a) di Pulau 1 tanpa kelulusan Menteri.

(2) Permohonan bagi kelulusan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri dalam peraturan-peraturan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Ketidapkakaian Bahagian IV dan Bahagian V

91AC. Peruntukan Bahagian IV dan V Akta ini tidak terpakai bagi barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 91AF(1)(a) yang dikilangkan di Pulau 1.

Pemakaian Akta Kastam 1967

91AD. (1) Barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 91AF(1)(a) yang dikilangkan di Pulau 1 hendaklah disifatkan sebagai dikilangkan di luar Malaysia.

(2) Peruntukan Akta Kastam 1967 hendaklah terpakai bagi barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 91AF(1)(a)—

- (a) apabila barang-barang itu diangkut ke kawasan utama kastam dari Pulau 1 seolah-olah pengangkutan ke kawasan utama kastam itu ialah pengimportan ke dalam Malaysia; dan
- (b) apabila barang-barang itu diangkut ke Pulau 1 dari kawasan utama kastam seolah-olah pengangkutan ke Pulau 1 itu ialah pengeksporan dari Malaysia.

Barang-barang yang dikilangkan di kawasan utama kastam hendaklah disifatkan telah dieksport apabila diangkut ke Pulau 1

91AE. Barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 91AF(1)(a) yang dikilangkan di kawasan utama kastam apabila diangkut ke Pulau 1 hendaklah disifatkan telah dieksport dari kawasan utama kastam ke suatu tempat di luar Malaysia bagi maksud seksyen 19 dan perenggan 28(d).

Duti eksais yang berhubungan dengan Pulau 1

91AF. (1) Duti eksais hendaklah kena dibayar atas—

- (a) semua barang berduti yang dikilangkan atau diimport masuk ke dalam Pulau 1, selain barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*; dan
- (b) semua barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan (a) yang diangkut ke kawasan utama kastam dari Pulau 1 seolah-olah pengangkutan ke kawasan utama kastam itu ialah pengimportan ke dalam Malaysia.

(2) Menteri boleh, melalui perintah, menetapkan erti perkataan “nilai” berhubung dengan barang-barang yang diangkut dari Pulau 1 ke kawasan utama kastam.

(3) Subseksyen 6(2) hendaklah terpakai bagi apa-apa perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah subsekyen (1).

Barang-barang yang disifatkan sebagai tidak berduti semasa berada di Pulau 1

91AG. Apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 91AF(1)(a) hendaklah, semasa berada di Pulau 1, disifatkan sebagai barang-barang tidak berduti dan peruntukan Akta ini hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

Pemungutan duti di Pulau 1

91AH. Dalam membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 85 Menteri boleh membuat peruntukan—

- (a) bagi pemungutan di Pulau 1 duti eksais yang kena dibayar berkenaan dengan barang-barang yang diimport ke dalam Pulau 1, atau diangkut atau hampir hendak diangkut dari atau ke Pulau 1 ke atau dari kawasan utama kastam;

- (b) bagi batasan atau sekatan kenderaan, vesel dan kapal udara yang boleh digunakan untuk mengangkut barang-barang itu; dan
- (c) bagi pelesenan atau pengawalan orang atau kenderaan, vesel atau kapal udara yang mengangkut barang-barang itu.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Eksais 1976 (“Akta 176”). Tujuan utama pindaan ini adalah untuk mengeluarkan Pulau 1 daripada kawasan utama kastam dan mengadakan peruntukan khas berkenaan dengan Pulau 1, selaras dengan pindaan kepada Akta Kastam 1967 [Akta 235].

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 176.

Perenggan 2(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 176 untuk memasukkan takrif baharu “Pulau 1” ke dalam Akta 176.

Perenggan 2(b) bertujuan untuk meminda perenggan 2(1B)(b) Akta 176 untuk mengeluarkan Pulau 1 dari takrif “kawasan utama kastam”.

4. *Fasal 3, 5, 7 dan 9* bertujuan untuk meminda seksyen 2, 87, 91A, 91E dan 91Q Akta 176 untuk mengeluarkan Pulau 1 daripada takrif kawasan utama kastam di bawah peruntukan tersebut.

5. *Fasal 4, 6, 8 dan 10* bertujuan untuk meminda subseksyen 90A(2), 91DA(2), 91I(2) dan 91U(2) Akta 176 berbangkit daripada pemotongan subseksyen 6(3), (4) dan (5) Akta 176 melalui Akta Kewangan (No. 2) 2023 [Akta 851].

6. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu XVE yang memperkatakan tentang Pulau 1 ke dalam Akta 176.

Seksyen baharu 91AA yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi takrif “kawasan utama kastam”.

Seksyen baharu 91AB yang dicadangkan bertujuan untuk melarang penjualan secara runcit apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 91AF(1)(a) yang dicadangkan di Pulau 1 tanpa kebenaran Menteri terlebih dahulu.

Seksyen baharu 91AC yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa peruntukan Bahagian IV dan V Akta 176 tidak terpakai bagi barang yang diisytiharkan sebagai tidak bercukai oleh Menteri di bawah perenggan 91AF(1)(a) jika barang-barang itu dikilangkan di Pulau 1.

Seksyen baharu 91AD yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 91AF(1)(a) yang dikilangkan di Pulau 1 disifatkan telah dikilangkan di luar Malaysia. Oleh yang demikian, pengangkutan barang-barang itu dari Pulau 1 ke kawasan utama kastam dikira sebagai pengimportan ke dalam Malaysia manakala pengangkutan barang-barang dari kawasan utama kastam ke Pulau 1 dikira sebagai pengeksporan dari Malaysia dan Akta Kastam 1967 hendaklah terpakai bagi barang-barang itu.

Seksyen baharu 91AE yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apabila barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 91AF(1)(a) yang dikilangkan di kawasan utama kastam diangkut ke Pulau 1, pengangkutan itu disifatkan sebagai dieksport ke suatu tempat di luar Malaysia bagi maksud seksyen 19 dan perenggan 28(d) Akta 176.

Seksyen baharu 91AF yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi layanan duti eksais di Pulau 1 yang berhubungan dengan pengilangan, pengimportan dan pengangkutan barang-barang.

Seksyen baharu 91AG yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 91AF(1)(a) yang dicadangkan hendaklah disifatkan sebagai barang-barang yang tidak berduti semasa di Pulau 1.

Seksyen baharu 91AH yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 85 Akta 176 untuk memperuntukkan perkara tertentu berhubungan dengan Pulau 1.

7. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3375]